

# 'Kelemahan sistem penguatkuasaan'

Keengganan perbaharui cukai jalan, insurans jadi ancaman kepada keselamatan awam

Oleh Ercy Gracella Ajos  
ercy.gracella@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Isu pemilik kenderaan mewah yang sengaja mengelak membaharui cukai jalan dan insurans kerana denda lebih rendah ialah kelemahan dalam sistem penguatkuasaan negara.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Law Teik Hua, berkata tingkah laku berkenaan bukan sekadar pelanggaran undang-undang tetapi ancaman terhadap keselamatan awam.

Katanya, kenderaan mewah tanpa insurans yang terabit dalam kemalangan mengakibatkan mangsa yang tidak bersalah terpaksa menanggung beban kewangan yang berat untuk kos rawatan dan guaman, manakala pemilik kenderaan mewah bebas daripada tanggungjawab.

"Keadaan ini menggambarkan dengan jelas struktur penalti sedia ada secara tidak langsung menggalakkan budaya mengelak tanggungjawab dalam kalangan pemilik kenderaan mewah."



Sanggup bayar denda dari beli insurans, cukai jalan

mengelak tanggungjawab dalam kalangan pemilik kenderaan mewah.

"Untuk menangani isu ini secara berkesan, kerajaan perlu melaksanakan reformasi menyeluruh dalam sistem penguatkuasaan," katanya kepada *BH*.

Beliau mengulas mengenai laporan berhubung kadar rendah terhadap kesalahan tiada cukai jalan dan perlindungan insurans, diikuti menjadi punca segelintir pemilik kenderaan mewah tidak memperbaharui dokumen terbabit.

Realiti itu didedahkan peguam kanan, Muhammad Hasif Hasan, yang berkongsi pengalaman bertemu seorang pengasas produk yang memiliki kenderaan mewah, sanggup tampil di mahkamah untuk menyelesaikan saman berkenaan tiada cukai jalan dan insurans.

## Perlu dikaji semula

Mengulas lanjut, Teik Hua berkata, struktur denda perlu dikaji semula dengan memperke-



Sebahagian kereta mewah yang disita di Depoh Sita Bahagian Penguatkuasa JPJ, Kuala Lumpur.

nal sistem denda progresif yang dikaitkan dengan nilai pasaran kenderaan.

Beliau berkata, denda minimum mestilah melebihi jumlah cukai jalan dan insurans, manakala kesalahan berulang keras seperti penyitaan kenderaan dan penggantungan lesen memandu.

Selain itu katanya, teknologi mengenal pasti secara automatik membolehkan pengesahan masa nyata kenderaan tanpa dokument sah.

"Beberapa pembaharuan sistem perlu dilaksanakan, termasuk sistem insurans fleksibel yang menawarkan pilihan premium berbeza berdasarkan frekuensi penggunaan kenderaan

boleh menggalakkan pematuhan sukarela," katanya.

Teik Hua berkata, kerjasama di antara Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan syarikat insurans perlu dipertingkat untuk mengintegrasikan sistem maklumat berpusat.

Katanya, pendidikan awam tentang risiko dan akibat pengabaian insurans juga perlu dipergiat melalui kempen kesedaran umum sah.

"Yang paling penting, kerajaan perlu mempertimbangkan untuk memperkenal akta khusus yang mengklasifikasi pengelakkan insurans kenderaan sebagai kesalahan yang lebih serius, terutamanya bagi kenderaan berkuasa tinggi yang berpotensi menyebabkan kemalangan maut.

"Penyelesaian kepada isu ini memerlukan pendekatan menyeluruh yang menggabungkan elemen penguatkuasaan tegas, pembaharuan sistem insurans, dan pendidikan awam.

"Dengan reformasi ini, kita bukan sahaja dapat melindungi kepentingan mangsa kemalangan, tetapi juga mewujudkan sistem pengangkutan jalan raya yang lebih adil dan bertanggungjawab," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Dr Ikmal Hisham Md Tah, berkata kekerapan operasi seperti Ops Luxury perlu ditingkatkan bagi membanteras perbuatan sengaja enggan membaharui cukai jalan.

"Sebagai penyelesaian jangka panjang, kerajaan perlu melihat semua mekanisme hukuman dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 dalam menaikkan kadar denda atau penjara.

"Hukuman keras termasuk denda dan penjara kepada individu yang melanggar undang-undang berulang kali perlu dilaksanakan," katanya.

 <p>Keadaan ini menggambarkan dengan jelas struktur penalti sedia ada secara tidak langsung menggalakkan budaya mengelak tanggungjawab dalam kalangan pemilik kenderaan mewah</p>
<p><b>Law Teik Hua,</b> Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, UPM</p>

 <p>Sebagai penyelesaian jangka panjang, kerajaan perlu melihat semua mekanisme hukuman dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 dalam menaikkan kadar denda atau penjara</p>
<p><b>Ikmal Hisham Md Tah,</b> Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-Undang, UiTM Shah Alam</p>